

DATE: 7/12/2009

## Dokumentari semua bekas Perdana Menteri akan diterbitkan

KUALA LUMPUR, 6 Dis. – Kerajaan akan memulakan usaha menerbitkan dokumentari yang komprehensif mengenai riwayat dan perjuangan semua bekas Perdana Menteri mulai tahun depan.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, usaha itu akan dimulakan dengan penerbitan dokumentari Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra.

Beliau berkata, langkah itu diambil memandangkan penerbitan rancangan dokumentari mengenai bekas Perdana Menteri masih kurang di negara ini.


“Penghasilan dokumentari ini penting supaya jasa serta sumbangan mereka kepada pembentukan Malaysia akan sentiasa diingati oleh semua pihak,” katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas menghadiri majlis bacaan Yassin dan tahlil Almarhum Tunku Abdul Rahman di Memorial Tunku Abdul Rahman di sini hari ini.

Turut hadir ialah anak sulung Tunku Abdul Rahman, Tunku Ahmad Nerang Putra dan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Wira Kamaruddin Sifar.

Rais seterusnya berkata, generasi muda hari ini perlu ditanam dengan kesedaran sejarah mengenai siapa-kah Tunku sebenarnya dalam sejarah negara.

“Selain sebagai Bapa Kemerdekaan, mungkin masih ramai tidak tahu lagi yang jasa Tunku terhadap



RAIS Yatim menunjukkan sesuatu ke arah gambar Raja-Raja Melayu sebelum majlis bacaan Yassin dan tahlil Almarhum Tunku Abdul Rahman di Memorial Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, semalam. – UTUSAN/HAYAT SUEET

pembentukan Malaysia melalui Suruhanjaya Reid 1957 dan juga salah seorang pengasas kepada pertubuhan ASEAN,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berharap majlis memperingati Tunku dan bekas Perdana Menteri lain dapat diperluaskan ke seluruh negara de-

ngan penganjuran program berbentuk seperti kuiz dan perbincangan ilmiah.

“Program ini boleh difokuskan di semua peringkat institusi pendidikan sama ada di peringkat sekolah atau institut pengajian tinggi,” jelasnya.

Rais juga menyatakan kebimbangan dengan kemerosotan jumlah pelancong terutamanya luar negara ke Memorial Tunku Abdul Rahman.

“Kementerian dapati puncanya adalah kerana kurangnya promosi oleh syarikat-syarikat pelancongan

kerana tidak menyenaraikan memorial ini dan juga memorial lain sebagai salah satu tempat yang perlu dikunjungi.

“Saya akan membawa masalah ini kepada Kementerian Pelancongan untuk dicari jalan penyelesaian,” katanya.